

SOALAN LAZIM PENGISIAN BORANG BE

BUTIR PEMBAYAR CUKAI:

S1: Bagaimana saya perlu mengisi Nombor Rujukan Cukai Pendapatan dalam Borang BE saya?

J1: Sila masukkan sebelas (11) digit Nombor Rujukan.

Contoh: SG 01234567000 (sebelas digit) tanpa ‘-’ dan ‘()’

S2: Perlukah saya mengisi nombor Pasport?

J2: Perlu diisi sekiranya ada.

BAHAGIAN A: MAKLUMAT INDIVIDU

S3: Bagaimana saya boleh dapatkan Kod Negara untuk mengisi ruangan Warganegara (A1)?

J3: Buku Panduan Borang BE (Lampiran E) atau Nota Penerangan Borang BE. Buku Panduan dan Nota Penerangan boleh dimuat turun dari Laman Web LHDNM di www.hasil.gov.my Contoh: Malaysia kod MY

S4: Status saya adalah bujang. Apakah jenis taksiran yang perlu diisi pada ruangan Jenis Taksiran (A5) Borang BE 2009?

J4: Jenis Taksiran yang perlu diisi adalah 4.

S5: Status saya berkahwin dan isteri tidak bekerja. Apakah jenis taksiran yang perlu diisi pada ruangan Jenis Taksiran (A5) Borang BE 2009?

J5: Jenis Taksiran yang perlu diisi adalah 4.

S6: Status saya berkahwin dan suami tidak bekerja. Apakah jenis taksiran yang perlu diisi pada ruangan Jenis Taksiran (A5) Borang BE 2009?

J6: Jenis Taksiran yang perlu diisi adalah 4.

S7: Status saya berkahwin dan isteri bekerja. Apakah jenis taksiran yang perlu diisi pada ruangan Jenis Taksiran (A5) Borang BE 2009?

J7: Jika memilih taksiran berasingan, isikan ‘3’ atau jika memilih taksiran bersama, isikan ‘1’ atau ‘2’

S8: Jika suami atau isteri kurang upaya, layakkah saya memilih taksiran bersama?

J8: Tuan boleh memilih taksiran bersama tidak kira sama ada tuan atau isteri kurang upaya atau tidak dengan syarat pasangan mempunyai jumlah pendapatan.

S9: Apakah maksud Ketetapan Umum?

J9: Ketetapan Umum dikeluarkan untuk memberi panduan kepada orang awam dan pegawai LHDNM. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah LHDNM berhubung pematuhan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya. Oleh itu ianya perlu diisi di ruangan Ketetapan Umum Dipatuhi (A6) untuk menjelaskan bahawa setiap Ketetapan Umum yang di keluarkan oleh LHDNM telah diikuti, difahami dan dipatuhi. Sekiranya Ketetapan Umum tersebut telah dipatuhi, sila tandakan '1' di kotak berkenaan. Jika tidak dipatuhi, sila tandakan '2'. Ketetapan Umum ini boleh dimuat turun dari Laman Web LHDNM di www.hasil.gov.my

S10: Bagaimana saya boleh mengemaskini alamat kediaman, sebab tiada ruangan untuk kemaskini alamat kediaman dalam Borang BE 2009?

J10: Bagi tujuan kemaskini alamat, sila lengkapkan borang pertukaran alamat (CP600B). Borang boleh dimuat turun di laman web <http://www.hasil.gov.my> dengan klik pada "Borang">klik lain-lain borang>CP600B.Lengkapkan borang tersebut atau dengan menulis surat memaklumkan pertukaran alamat ke cawangan yang mengendalikan fail cukai tuan.

S11: Nombor telefon siapakah yang perlu di isi pada ruangan A8?

J11: Nombor telefon sendiri.

S12: Saya telah berhenti kerja pada November 2009. Sekarang saya bekerja dengan majikan baru. Nombor majikan manakah yang perlu diisi di ruangan No. Majikan (A9)?

J12: No. Majikan yang perlu diisi adalah nombor majikan sekarang.

S13: Jika saya tiada majikan tetap, bagaimana untuk mengisi No. Majikan (A9)?

J13: No. Majikan tidak perlu diisi.

BAHAGIAN B: MAKLUMAT SUAMI / ISTERI

S14: Isteri saya tidak bekerja. Apakah nombor rujukan cukai beliau di ruangan No. Rujukan Cukai (B2)?

J14: Sekiranya isteri tuan tidak pernah didaftarkan nombor rujukan cukai, ruangan ini tidak perlu diisi.

S15: Jika saya mempunyai dua orang isteri atau lebih, bagaimana saya mengisi maklumat isteri, sebab ruangan yang disediakan hanya satu?

J15: Isikan butir-butir isteri yang berikutnya di dalam kertas lampiran.

BAHAGIAN C: PENDAPATAN BERKANUN DAN JUMLAH PENDAPATAN

S16: Bagaimana saya perlu mengisi di dalam ruangan Penggajian (C1) kerana terdapat gaji, bonus, insentif, elaun keraian dan ESOS di dalam EA saya?

J16: Dalam ruangan penggajian masukkan pendapatan berkanun penggajian tuan. Untuk dapatkan pendapatan berkanun penggajian, sila rujuk HK-2 (Pengiraan Pendapatan Berkanun Penggajian) di Buku Panduan Borang BE. Buku Panduan boleh dimuat turun dari Laman Web LHDNM di www.hasil.gov.my

S17: Saya adalah seorang jurutera dan saya membayar yuran professional kepada Persatuan Jurutera-Jurutera. Bagaimana saya boleh tuntutan bayaran ini?

J17: Penggajian kasar (seperti di dalam EA) tolak yuran professional adalah penggajian bersih yang perlu di isi di ruangan Penggajian (C1). Sila rujuk HK-2 (Pengiraan Pendapatan Berkanun Penggajian) di Buku Panduan Borang BE.

S18: Bagaimana perlu saya mengisi ruangan Penggajian (C1) yang tidak disediakan nilai sen sebab pendapatan saya di dalam EA ada nilai sen?

J18: Tuan dikehendaki menulis amaun Ringgit Malaysia tanpa nilai Sen. Lihat Contoh dalam Nota Penerangan Borang BE (muka surat 1).

Contoh: Pendapatan Berkanun Penggajian RM 125,955.67.

Masukkan dalam C1 RM 125,955

S19: Saya mempunyai pendapatan dividen dari Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SSM) / Unit Trust. Di manakah perlu saya isikan pendapatan tersebut?

J19: Isikan di ruangan C6 iaitu jumlah pendapatan dividen kasar yang diperolehi. Sila rujuk HK-6 (Tolakan Cukai Di Bawah Seksyen 110 lain-lain) di Buku Panduan Borang BE untuk senaraikan dividen tersebut dan masukkan tolakan cukai seksyen 110(lain-lain) di ruangan E 11.

S20: Saya menerima pendapatan dividen. Perlukah saya kemukakan baucar dividen tersebut kepada LHDNM?

J20: Mulai tahun taksiran 2008 tuan tidak perlu mengemukakan baucar dividen asal. Walaubagaimanapun tuan perlu menyimpannya dalam tempoh 7 tahun.

S21: Saya mempunyai pendapatan sewa dari sebuah rumah. Bagaimana saya mengira dan mengisi pendapatan ini?

J21: Tuan boleh membuat pengiraan seperti di HK-4 (Butir-Butir Harta / Aset dan Jumlah Sewa) di Buku Panduan Borang BE untuk mendapatkan sewa bersih dan jumlah ini dipindahkan ke ruangan C4 dalam Borang BE 2009.

S21A: Dalam keadaan bagaimana pendapatan sewa boleh dianggap sebagai pendapatan perniagaan.

J21A: Berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2006 pendapatan sewa hanya boleh dikenakan cukai sebagai pendapatan perniagaan dibawah seksyen 4(a) Akta Cukai Pendapatan sekiranya tuan punya harta menyediakan secara aktif

Perkhidmatan penyelenggaraan serta perkhidmatan sokongan berhubung Penyewaan harta tersebut.

S22: Saya ada menerima pencen. Perlukah saya laporkan pendapatan pencen saya. Bagaimana saya perlu isi dalam Borang BE?

J22: i. Bersara sebelum umur 55 tahun

Sekiranya tuan bersara sebelum umur 55 tahun, pencen tuan layak dikenakan cukai pendapatan sehingga tuan berumur 55 tahun. Sila isikan pendapatan pencen tersebut di ruangan Pencen, anuiti dan bayaran berkala lain (C5).

ii. Bersara apabila mencapai umur 55 tahun

Pencen yang diterima tidak dikenakan cukai. Sila masukkan angka '0' di ruangan Pencen, anuiti dan bayaran berkala lain (C5).

iii. Pencen terbitan

Pencen terbitan yang diterima tidak dikenakan cukai. Contoh: Isteri terima pencen (terbitan) di atas kematian suami beliau. Pencen ini tidak dikenakan cukai. Sila masukkan angka '0' di ruangan Pencen, anuiti dan bayaran berkala lain (C5).

Walaubagaimanapun jika suami menerima pencen diatas kematian isteri, pencen tersebut dikenakan cukai dan kepada seseorang yang menerima lebih dari satu pencen ,jumlah pencen yang tertinggi sahaja yang dikecualikan cukai. Rujuk Perenggan 16 Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967.

S23: Saya telah menderma kepada badan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Malaysia, contoh MAKNA. Bagaimana saya boleh tuntutan dalam Borang BE?

J23: Sila isi jumlah yang telah didermakan di ruangan Hadiah wang kepada Kerajaan / Kerajaan Tempatan atau institusi yang diluluskan (C8).

S23A: Saya telah menderma sebanyak RM 8000 kepada institusi yang telah diluluskan. Pendapatan agregat (C7) berjumlah RM100,000. Bagaimana saya boleh tuntutan didalam Borang BE 2009.

J23A: Tuan hanya layak mendapat tolakan derma sebanyak RM 7000 (terhad 7% daripada pendapatan agregat)

S24: Jika saya (isteri) memilih taksiran bersama tetapi Jenis Taksiran (A5) adalah atas nama suami, di manakah jumlah pendapatan saya perlu diisikan di Borang BE 2009?

J24: Isi Borang BE 2009 puan setakat Jumlah Pendapatan Sendiri (C16) sahaja dan terus ke Akuan (tandatangan). Pendapatan Tahun Kebelakangan (jika ada) yang belum dilaporkan perlu diisi di Bahagian G. Dalam Borang BE 2009 suami pula, masukkan jumlah pendapatan puan tadi di ruangan C17. Tentukan juga jenis pendapatan puan yang dipindahkan itu sama ada perniagaan atau tiada

pendapatan perniagaan dengan memasukkan 1 atau 2 pada ruangan C17. Jumlahkan C16 dan C17 untuk dapatkan jumlah pendapatan yang disatukan iaitu C18.

S25: Jika saya (suami) pilih taksiran bersama tetapi Jenis Taksiran (A5) adalah atas nama saya sendiri, bagaimanakah cara saya isikan jumlah pendapatan saya dan isteri dalam Borang BE 2009?

J25: Masukkan jumlah pendapatan sendiri sehingga C16. Kemudian pindahkan jumlah pendapatan isteri ke C17 dan jumlahkan C16 dan C17 untuk dapatkan jumlah pendapatan yang disatukan iaitu C18. Terdahulu Borang BE isteri perlu diisi setakat C16 dan terus ke Bahagian Akuan sebelum dipindahkan ke C17 Borang BE suami.

BAHAGIAN D: PELEPASAN

S26: Saya menanggung ibu, bapa, adik beradik dan lain-lain. Bagaimana saya boleh menuntut untuk pelepasan individu dan saudara tanggungan (D1)?

J26: Akta Cukai Pendapatan 1967 telah memperuntukkan pelepasan sebanyak RM 8,000 untuk perbelanjaan yang tersebut di atas seperti yang tertera di ruangan D1. Mulai tahun taksiran 2010 telah dipinda kepada RM9000.

S27: Saya telah membayar kos perubatan ibu tetapi saya tidak menyimpan resit-resit tersebut. Bolehkan saya membuat tuntutan untuk kos perubatan ibu bapa di ruangan D2?

J27: Semua tuntutan memerlukan dokumen sokongan. Isikan tuntutan di ruangan perubatan ibu bapa (D2) dan terhad kepada maksimum RM5,000 berdasarkan kepada sokongan resit-resit.

S27A: Saya telah menghantar ibubapa saya kepada perubatan tradisional, Bolehkah saya menuntut pelepasan perubatan tersebut?.

J27A: Tidak boleh.

S28: Saya telah membayar kos perubatan ibu mertua. Bolehkan saya membuat tuntutan tersebut?

J28: Kos perubatan ibu mertua tidak dibenarkan.

S29: Bagaimanakah saya layak untuk menuntut pelepasan peralatan sokongan asas (D3) di mana saya telah membeli sebuah mesin dialysis untuk kegunaan isteri. Bolehkan saya membuat tuntutan sebagai alat sokongan asas?

J29: Pelepasan untuk peralatan sokongan asas tidak dibenarkan kerana isteri tuan bukan orang kurang upaya yang didaftarkan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

S30: Saya telah mengalami kemalangan yang mengakibatkan kehilangan kedua-dua belah kaki dan disahkan oleh doktor sebagai orang hilang upaya selamanya. Bagaimana saya layak untuk menuntut pelepasan individu kurang upaya di ruangan D4?

J30: Tuan dinasihatkan membawa laporan perubatan kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat untuk mendaftar sebagai "Orang Kurang Upaya" (OKU) dan simpan Kad OKU atau surat pengesahan tersebut untuk tujuan semakan oleh pegawai

S31: Bagaimanakah saya layak untuk menuntut pelepasan yuran pendidikan dalam bidang yang diluluskan (D5). Saya mengambil kursus pengajian 'Master In Accountancy'. Adakah saya layak menuntut pelepasan RM 5,000 atas yuran pendidikan saya?

J31: Tuan layak menuntut potongan tersebut mulai Tahun Taksiran 2006 dengan sokongan resit-resit pembayaran dan terhad kepada RM 5,000. Kursus mesti diluluskan oleh Kementerian Penggajian Tinggi.

S32: Saya membuat pemindahan organ (buah pinggang) di hospital Singapura. Adakah saya layak menuntut pelepasan bagi kos perubatan bagi penyakit yang sukar diubati di ruangan D6?

J32: Tuan tidak layak menuntut pelepasan tersebut kerana tuntutan perbelanjaan mesti dibuktikan dengan resit yang disahkan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (Malaysian Medical Council).

S33: Apakah yang dimaksudkan dengan pemeriksaan perubatan penuh di ruangan D7 dan bagaimana saya layak untuk mendapat pelepasan tersebut?

J33: Pemeriksaan perubatan penuh bermaksud pemeriksaan perubatan secara menyeluruh seperti mana yang telah ditakrifkan oleh Majlis Perubatan Malaysia (MMC) dan dibenarkan ke atas diri sendiri, suami /isteri dan anak. Tuntutan ini mestilah disokong dengan resit dan terhad kepada RM500.00 dan isikan di ruangan D7. Jika tuan telah menuntut D7 sebanyak RM500 maka tuntutan untuk D6 hanya terhad kepada baki RM4,500 sahaja. S33A

S34: Adakah saya dan isteri layak menuntut pelepasan pembelian buku / majalah terhad kepada RM 1,000 setiap individu di ruangan D8 jika kami memilih taksiran berasingan?

J34: Suami dan isteri layak menuntut pelepasan terhad kepada RM 1,000 setiap individu dengan sokongan resit-resit.

S35: Saya telah membeli komputer peribadi pada Ogos 2009 dengan harga RM 3,850. Adakah saya layak untuk menuntut pelepasan ini di ruangan D8A Borang BE 2009?

J35: Tuan layak menuntut pelepasan terhad kepada RM 3,000. Pelepasan ini dibenarkan sekali dalam setiap 3 tahun. Contoh: Sekiranya tuan telah menuntut pelepasan tersebut pada tahun 2009, tempoh berikut yang boleh dituntut ialah pada tahun 2012.

S36: Saya telah membeli komputer peribadi pada Januari 2007 dengan harga RM 2,650. Isteri saya pula telah membeli komputer riba pada September 2007 dengan harga RM 4,150. Adakah saya dan isteri layak menuntut pelepasan ini di ruangan D8A dalam Borang BE 2007 masing-masing jika kami memilih taksiran berasingan ?

J36: Tuan dan isteri layak menuntut pelepasan terhad kepada RM 3,000 seorang. Pelepasan yang dibenarkan kepada tuan adalah RM 2,650 dan isteri RM 3,000. Pelepasan ini dibenarkan sekali dalam setiap 3 tahun bagi setiap individu.

S37: Saya telah membeli komponen-komponen komputer secara berasingan, contoh CPU, monitor, papan kekunci, tetikus dan lain-lain. Bolehkah saya menuntut pelepasan pembelian komputer di ruangan D8A

Borang BE 2007?

J37: Tuntutan pelepasan pembelian komputer ini hanya boleh dibenarkan jika pembelian secara berasingan ini bertujuan untuk pemasangan satu set lengkap dan pembelian komponen-komponen dibuat dalam tahun asas yang sama. Palmtop tidak dibenarkan.

S38: Saya telah membuat simpanan RM 2,500 dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) pada Oktober 2007. Tetapi pada November 2007 pengeluaran sebanyak RM 1,000 telah dibuat. Berapakah jumlah pelepasan yang dibenarkan kepada saya di ruangan D8B Borang BE 2007?

J38: Pelepasan yang dibenarkan kepada tuan adalah RM 1,500 iaitu (RM2,500 – RM1,000) . Pelepasan juga dibenarkan kepada ibu dan bapa kepada seorang anak yang sama. Pelepasan adalah terhad kepada RM 3,000 setahun seorang bagi setiap ibu atau bapa yang membuat tuntutan.

S38A : Apakah yang dimaksudkan dengan Peralatan Sukan?

J38A : Peralatan sukan termasuk alat-alat yang mempunyai jangka hayat yang singkat seperti bola golf dan bulu tangkis tetapi tidak termasuk pakaian sukan, contoh: pakaian renang dan kasut sukan.

Bagi sukan Fitness – apa-apa peralatan sukan berkaitan dengan aktiviti sukan tersebut adalah layak mendapat potongan di bawah perenggan 46(1)(l) ACP 1967. Peralatan senaman seperti treadmill, exercise bike dan airwalker adalah dibenarkan.

Bagi sukan Recreational – *Diving* diklasifikasikan sebagai sukan rekreasi, maka peralatan sukan berkaitan aktiviti tersebut layak mendapat potongan kecuali *attire* dan kasut.

S38B: Apakah yang dimaksudkan dengan potongan Faedah Pinjaman Perumahan.

J38B: Potongan Faedah Pinjaman Perumahan adalah dibenarkan untuk potongan cukai terhadap kepada RM10,000 setiap tahun asy bagi 3 tahun taksiran berturut-turut bermula dari tarikh faedah mula dibayar.

Syarat kelayakan:

- i) Pemastautin warganegara Malaysia**
- ii) Pembelian perumahan terhadap pada satu unit sahaja**
- iii) Iii) perjanjian jual beli ditanda tangani dalam tempoh 10 Mac 2009**
- iv) Sehingga 31 Disember 2010; dan**
- v) rumah kediaman tersebut tidak boleh disewakan.**

S39: Saya telah tidak tinggal bersama isteri tetapi tidak bercerai. Adakah saya layak menuntut pelepasan isteri di ruangan D9 ?

J39: Tuan tidak layak menuntut pelepasan isteri sekiranya tidak tinggal bersama secara kekal menurut Seksyen 45(2) Akta Cukai Pendapatan 1967. Walau bagaimanapun, sekiranya tuan terpaksa tinggal berasingan, contohnya atas sebab pekerjaan dan tuan masih suami isteri, maka tuan layak mendapat pelepasan tersebut. Tuan layak menuntut RM3,000 di D9 jika tuan mempunyai isteri yang tinggal bersama dalam tahun asas. Dan tambahan potongan di D10 berjumlah RM 3,500 juga diberi jika isteri hilang upaya dan mempunyai Kad Orang Kurang Upaya.

S40: Jika saya (suami) bermastautin di Malaysia tetapi isteri tidak bermastautin, bolehkah saya menuntut pelepasan isteri di ruangan D9?

J40: Boleh.

S41: Saya mempunyai dua orang isteri. Isteri pertama mempunyai pendapatan dan memilih taksiran berasingan. Bolehkah saya menuntut pelepasan isteri kedua kerana beliau belum ada pendapatan kerana masih belajar ?

J41: Tuan boleh menuntut pelepasan untuk isteri kedua. Pelepasan yang dibenarkan adalah RM 3,000.

S42: Adakah saya layak untuk menuntut bayaran alimoni kepada bekas isteri jika beliau menetap di luar Negara?

J42: Bayaran alimoni / nafkah ini adalah atas perintah mahkamah, tidak kira sama ada bekas isteri bermastautin ataupun tidak. Bayaran alimoni / nafkah secara sukarela adalah tidak layak dituntut. Pelepasan yang dibenarkan adalah terhadap kepada RM 3,000 di D9.

S43: Bagaimanakah isteri saya layak untuk menuntut pelepasan suami (D9). Saya memilih taksiran bersama atas nama isteri, berapa banyakkah amaun pelepasan suami yang boleh beliau tuntutan?

J43: Pelepasan suami diberi sebanyak RM 3,000 kepada isteri di mana suami tiada punca pendapatan / tiada jumlah pendapatan atau suami memilih taksiran bersama.

S44: Adakah pelepasan anak di bawah umur 18 tahun di ruangan D11a terhad kepada bilangan anak tertentu?

J44: Tidak ada had bilangan bagi anak yang berumur 18 tahun ke bawah dan belum berkahwin.

S45: Jika saya dan isteri memilih taksiran berasingan, bagaimanakah cara saya dan isteri boleh menuntut pelepasan anak?

J45: Jika memilih taksiran berasingan, hanya seorang layak menuntut pelepasan sepenuhnya mana-mana anak. Contoh, jika tuan memiliki tiga orang anak. Isteri menuntut pelepasan untuk dua orang anak, maka tuan berhak untuk pelepasan baki seorang anak lagi.

S46: Anak saya berumur 18 tahun ke atas dan masih belajar di university tempatan tetapi di peringkat matrikulasi / A Level. Bolehkah saya menuntut pelepasan untuk anak 18 tahun ke atas yang masih belajar sebanyak RM 4,000 dalam ruangan D11b?

J46: Jumlah pelepasan yang layak adalah RM 1,000 sahaja.

S47: Anak saya berumur 18 tahun ke atas dan masih belajar di kolej swasta di luar Malaysia dengan sepenuh masa untuk memperolehi kelayakan peringkat Diploma. Adakah saya layak untuk pelepasan anak 18 tahun ke atas yang masih belajar di ruangan D11b?

J47: Tuan hanya layak pelepasan RM 1,000 untuk anak tuan. Jumlah pelepasan sebanyak RM 4,000 mulai Tahun Taksiran 2006 dibenarkan jika anak tuan belajar di peringkat ijazah dan ke atas di Institusi Penggajian Tinggi Luar Malaysia yang diiktiraf.

S48: Saya ada seorang anak tiri kurang upaya (ada Kad OKU) yang saya pelihara. Bolehkah saya menuntut pelepasan anak hilang upaya di ruangan D11c?

J48: Jumlah pelepasan sebanyak RM 5,000 dibenarkan.

S49: Bagaimana saya layak untuk menuntut pelepasan insurans nyawa dan KWSP (D12). Bolehkah saya menuntut pelepasan insurans nyawa milik isteri serta caruman isteri kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)?

J49: Perbelanjaan yang dilakukan oleh isteri adalah dianggap dilakukan oleh suami dan tuntutan insurans nyawa dan KWSP bagi tuan dan isteri adalah terhad kepada RM 6,000 (sekiranya isteri tuan memilih taksiran bersama). Walau bagaimanapun, sekiranya isteri tuan tiada jumlah pendapatan yang boleh disatukan dengan jumlah pendapatan tuan, tuan hanya layak menuntut pelepasan insurans nyawa milik isteri sahaja. Caruman KWSP isteri tidak dibenarkan untuk tolakan.

S50: Saya baru sahaja membeli insurans nyawa beberapa bulan yang lalu. Bolehkah saya menuntut pelepasan walaupun ia kurang dari satu tahun ?

J50: Boleh. Ia diambil kira dalam tahun asas yang mana perbelanjaan itu dilakukan.

S51: Premium insurans saya dibayar melalui 'Auto Premium Loan (APL)'. Bolehkah saya menuntut untuk pelepasan tersebut?

J51: Skim APL diwujudkan agar polisi insuran tidak luput sekiranya premium tidak dibayar oleh pemegang polisi. Oleh itu, sekiranya pemegang polisi insuran nyawa membayar balik pinjaman kepada skim APL ini, cuma pembayaran premium yang dibayar untuk SKIM APL sahaja dibenarkan. Faedah yang kena dibayar di bawah Skim APL ini tidak akan dibenarkan.

Bagi APL di mana tidak perlu dibayar balik premium bersamaan faedah yang dikenakan tetapi dipotong daripada "capital sum due on maturity" maka tiada Pembayaran premium dilakukan oleh pemegang polisi. Oleh itu tidak dibenarkan potongan APL di bawah cara tersebut.

S52: Bolehkah saya menuntut pelepasan insurans nyawa atas nama anak saya ?

J52: Premium insurans atas nyawa anak tidak dibenarkan pelepasan. Premium insurans yang dibayar atas polisi yang menjamin nyawa individu, suami atau isteri sahaja dibenarkan pelepasan cukai.

S53: Bolehkah saya menuntut pelepasan untuk premium insurans polisi kemalangan ?

J53: Tidak boleh.

S54: Bolehkah saya menuntut pelepasan untuk Pekeso / Sosco yang dibuat oleh majikan saya pada setiap bulan ?

J54: Tidak boleh.

S55: Sekiranya suami dan isteri memilih taksiran bersama, berapakah potongan maksimum ke atas polisi insurans pendidikan dan perubatan yang layak di ruangan D13 ?

J55: Jika pendapatan tuan dan isteri disatukan di bawah taksiran bersama, tuan layak diberi potongan maksimum terhadap kepada RM3,000.

S56: Adakah saya layak membuat tuntutan bagi bayaran premium yang dibayar atas nama anak. Jenis polisi adalah pendidikan dan perubatan?

J56: Tuan layak mendapat pelepasan bagi bayaran premium insurans pendidikan atau manfaat perubatan untuk diri sendiri, suami atau isteri dan anak.

BAHAGIAN E: CUKAI KENA DIBAYAR

S57: Bagaimanakah untuk isi pendapatan bercukai di ruangan E1, sekiranya jumlah pendapatan lebih kecil dari jumlah pelepasan. Apakah jumlah yang perlu saya masukkan?

J57: Isikan dengan nilai “0” di ruangan E1

S58: Bagaimanakah saya membuat pengiraan cukai bagi Tahun Taksiran 2009 berdasarkan jadual cukai yang diberikan di ruangan pengiraan cukai pendapatan (E2)?

J58: Pengiraan cukai boleh dibuat seperti berikut:-

Contoh: Pendapatan bercukai yang tuan perolehi bagi Tahun Taksiran 2009 adalah RM 50,000 di E1. Tuan perlu merujuk jadual cukai yang boleh didapati di Nota Penerangan Borang BE atau Buku Panduan Borang BE.

E2a: Cukai ke atas yang pertama	35,000.00	adalah RM 1,525.00
E2b: Cukai ke atas baki	15,000.00 @ 12%	adalah RM 1,800.00
	(RM 50,000 – RM 35,000 = RM 15,000)	
E3: Jumlah cukai pendapatan		adalah <u>RM 3,325.00</u>

S59: Adakah saya layak menuntut rebat cukai individu (E4), sekiranya pendapatan bercukai saya adalah RM 50,000?

J59: Tidak layak. Rebate cukai individu hanya layak bagi mereka yang mempunyai pendapatan bercukai (E1) tidak melebihi RM 35,000. Rujuk Perenggan 6A(2)(a) Akta Cukai Pendapatan 1967.

S60: Adakah saya layak mendapat rebat cukai isteri di ruangan E5 sekiranya isteri tidak bekerja?

J60: Tuan layak mendapat rebat cukai isteri sekiranya pendapatan bercukai (E1) tuan tidak melebihi RM 35,000 dan pelepasan isteri telah dituntut.

S61: Sekiranya saya memilih taksiran bersama, adakah saya layak mendapat rebat cukai suami?

J61: Puan layak mendapat rebat cukai suami jika pendapatan bercukai (E1) puan tidak melebihi RM 35,000 dan pelepasan suami telah dituntut.

S62: Jumlah pendapatan bercukai (E1) saya melebihi RM 35,000 tetapi isteri saya tiada pendapatan / suri rumah tangga. Bolehkah saya menuntut rebat cukai isteri?

J62: Tidak boleh kerana jumlah pendapatan (E1) tuan melebihi RM 35,000.

S63: Bagaimanakah saya layak menuntut rebat zakat atau fitrah (E6). Bolehkah saya menuntut rebat zakat yang dibayar dalam tahun 2009 bagi Tahun Taksiran 2009?

J63: Rebate zakat yang dibayar dalam tahun 2009 hanya layak diberi tolakan bagi Tahun Taksiran 2009. Tuan boleh mengemukakan surat rayuan bersama resit asal bayaran zakat ke Cawangan yang mengendalikan fail cukai pendapatan tuan sekiranya zakat yang dibayar dalam tahun 2009 belum dituntut lagi.

Manakala Zakat yang dibayar oleh isteri yang tiada punca pendapatan tidak boleh dituntut oleh suami.

S64: Adakah zakat yang dimaksudkan zakat simpanan atau zakat harta?

J64: Zakat yang dimaksudkan adalah semua jenis zakat yang dilakukan dalam sesuatu tahun asas.

S65: Bagaimanakah saya layak menuntut rebat bagi fi / levi di E7. Bolehkah saya mengisi ruangan fi / levi sekiranya saya menggajikan pembantu rumah ?

J65: Ruangan ini perlu diisi oleh pembantu rumah tuan sekiranya beliau mengistiharkan pendapatannya di dalam Borang BEnya sendiri. Rebate ini diberi bagi fi yang telah dibayar oleh pemegang pas pengajian, pas lawatan (kerja sementara) atau pas kerja menurut mana-mana perintah yang dibuat di bawah Akta Fi 1951 Seksyen 6c. Rebate tidak boleh dibenarkan kepada tuan jika tuan menggajikan pembantu rumah.

S66: Perlukah saya membuat pengiraan dividen untuk mendapat tolakan cukai (Seksyen 51 Akta Kewangan) Borang BE di ruangan E10 dalam Borang BE 2009?

J66: Tuan perlu membuat pengiraan di HK-3 Buku Panduan Borang BE atau Nota Penerangan Borang BE dan isikan jumlahnya di ruangan E10

S67: Bagaimana saya boleh menuntut pelepasan cukai Seksyen 132 di ruangan E12 Borang BE 2009?

J67: Seksyen 132 merujuk kepada tolakan cukai berhubung pendapatan dari Malaysia yang dikenakan cukai di Malaysia dan juga di luar Malaysia. Rujuk Lampiran F Buku Panduan Borang BE untuk menentukan negaranegara yang membuat perjanjian pengelakan percukaian dua kali dengan Malaysia. Pengiraan boleh dibuat di HK-8 Buku Panduan Borang BE. Masukkan jumlah di ruangan E12 Borang BE.

S68: Apakah yang dimaksudkan pelepasan cukai Seksyen 133 dan bagaimana saya menuntut pelepasan ini di ruangan E13 Borang BE 2009?

J68: Seksyen 133 merujuk kepada potongan cukai bagi satu pihak sahaja iaitu negara-negara yang tidak memetriai perjanjian pengelakan percukaian dua kali dengan Malaysia dan pengiraan boleh dibuat di HK-9 Buku Panduan Borang BE. Masukkan jumlah di ruangan E13 Borang BE.

BAHAGIAN F: RUMUSAN CUKAI DAN BAYARAN

S69: Bagaimana cukai kena dibayar (F1) diisi. Perlukah diisi bahagian ini jika jumlah cukai yang kena di bayar adalah tiada (0) atau pun kurang daripada RM 25.00?

J69: Sila masukkan amaun cukai yang kena dibayar sama ada 0 atau kurang dari RM 25.00. Mulai tahun taksiran 2006, bayaran perlu dibuat walaupun cukai kena dibayar (ruangan E14) adalah kurang daripada RM25.00.

S70: Bagaimana saya boleh menyemak jumlah Potongan Cukai Berjadual (PCB) yang telah dipotong dari pendapatan bulanan saya?

J70: Jumlah PCB boleh diperolehi dari Borang EA / EC tuan.

S71: Saya memilih taksiran bersama isteri. Di manakah Potongan Cukai Berjadual isteri dimasukkan dalam Borang BE 2008 saya?

J71: Amaun PCB tuan dan isteri perlu dijumlahkan dan dimasukkan dalam ruangan F2 Borang BE.

S72: Jika saya ada baki cukai kena dibayar (F3) bagi Tahun Taksiran 2009, bilakah perlu saya menjelaskan baki cukai tersebut dan di mana?

J72: Bayaran baki cukai perlu dijelaskan sebelum tarikh akhir pengembalian Borang BE 2009(bagi punca selain perniagaan) iaitu pada 30 April 2010. Bayaran boleh dibuat di Kaunter Bayaran LHDNM di Jalan Duta Kuala Lumpur, Wisma Hasil Kota Kinabalu, Wisma Hasil Kuching.

Bayaran juga boleh dibuat melalui :

LHDNM - e-bayaran melalui FPX (Financial Process Exchange) di laman web LHDNM, <http://www.hasil.gov.my>

Bank - kaunter CIMB Bank Berhad (CIMB), Public Bank Berhad (PBB), Malayan Banking Berhad (Maybank) dan EON Bank dengan menggunakan slip bayaran oleh pihak bank
-perbankan internet CIMB,PBB,Maybank,EON Bank dan Citibank & Perbankan telefon Maybank
-Auto Teller Machine (ATM) PBB dan Maybank

Resit bayaran atau slip bank tidak perlu dihantar ke Pusat Pemprosesan, Pandan Indah bersama Borang BE. Sila simpan resit bayaran / slip bank untuk semakan bila diperlukan.

BAHAGIAN G: PENDAPATAN TAHUN KEBELAKANGAN YANG BELUM DILAPORKAN

S73: Pada tahun 2009 saya telah mendapat tunggakan gaji dan bonus untuk tahun 2008 sebanyak RM 5,000. Adakah saya perlu melaporkan pendapatan tersebut di Borang BE 2009 ?

J73: Ya, sila isi butiran tunggakan gaji ini di ruangan G1. Mulai tahun 2009 Bonus dan yuran pengarah bagi tahun 2008 yang dibayar pada tahun 2009 dianggap diterima pada tahun 2009.

BAHAGIAN H : MAKLUMAT PENTADBIR HARTA PUSAKA

S74: Bapa saya telah meninggal dunia pada Jun 2009. Maklumat siapakah yang harus dimasukkan di ruangan Maklumat Pentadbir Harta Pusaka?

J74: Maklumat wakil sah atau waris yang telah dilantik sebagai Pentadbir Harta Pusaka.

AKUAN

S75: Saya telah menolong kawan saya mengisikan borang cukai pendapatan beliau. Adakah saya perlu meletakkan nama dan tandatangan saya di ruangan Akuan ?

J75: Ya, sila isikan nama dan nombor kad pengenalan tuan. Kemudian pilih '2' iaitu 'Borang Nyata ini bagi pihak individu di atas' dan tandatangan.

PERTANYAAN AM

S76: Jika saya tidak menerima Borang BE 2009, bagaimanakah saya boleh mendapatkannya?

J76: Tuan boleh mendapatkan Borang BE 2009 dari Pusat Pemprosesan Pandan Indah atau mana-mana Cawangan LHDNM yang berhampiran atau tuan digalakkan menggunakan perkhidmatan e-filing kami untuk penghantaran borang secara "online". Sila layari Laman Web LHDNM di www.hasil.gov.my untuk maklumat lanjut mengenai e-filing.

S77: Saya berada di luar negara dan belum dapat borang BE 2009. Bagaimana saya boleh dapatkan Borang tersebut ?

J77: Sila tentukan dahulu taraf mastautin tuan (Seksyen 7 ACP1967).

Jika tuan:-

i. Mastautin – dapatkan Borang BE 2009 dan

ii. Tidak mastautin - dapatkan Borang M 2009

Jika tuan berada di luar Negara, tuan adalah dinasihatkan untuk membuat penghantaran borang secara "online" iaitu menggunakan aplikasi Efiling.

S78: Bolehkah saya mengisi Borang BE 2009 menggunakan borang salinan atau fotostat ?

J78: Tidak boleh. Sekiranya diterima, akan dianggap sebagai borang tidak sah dan tidak akan diproses.

S79: Bagaimanakah saya boleh dapatkan Nota Penerangan Borang BE di dalam versi Bahasa Inggeris ?

J79: Tuan boleh mendapatkannya dengan memuat turun dari Laman Web LHDNM di www.hasil.gov.my . Klik versi Bahasa Inggeris.

S80: Jika saya membuat kesilapan ketika mengisi Borang BE, bolehkah saya memadamkannya dengan menggunakan pemadam cecair ?

J80: Tidak dibenarkan .Tuan boleh membatalkannya dengan membuat satu garisan pada kesilapan tersebut dan menulis semula pembetulan dengan besertakan tandatangan ringkas pada setiap pembetulan yang dibuat.

S81: Apakah perbezaan di antara Borang BE dan B ?

J81: Borang BE - pendapatan di bawah Sek 4(b) – 4(f) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan diisi oleh individu yang mempunyai punca pendapatan selain dari perniagaan.

Borang B - pendapatan di bawah Sek 4(a) – 4(f) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan diisi oleh individu yang mempunyai punca pendapatan perniagaan (tunggal) atau perkongsian.

S82: Bolehkah saya melaporkan pendapatan perniagaan saya jika saya menerima Borang BE ?

J82: Tidak boleh.Pendapatan perniagaan perlu dilaporkan dalam Borang B.

S83: Bolehkah saya melaporkan pendapatan penggajian saya jika saya menerima Borang B ?

J83: Borang B boleh digunakan untuk melaporkan pendapatan penggajian. Walau bagaimanapun tuan digalakkan untuk menggunakan borang yang betul iaitu Borang BE.

S84: Bolehkah saya menghantar Borang BE ke Cawangan LHDNM yang berhampiran selain Pusat Pemprosesan, Pandan Indah dan mendapat pengesahan penerimaan pada salinan fotostat Borang BE tersebut ?

J84: Borang BE yang dihantar oleh pembayar cukai sendiri masih boleh diterima di Cawangan atau di kaunter-kaunter yang dibuka oleh LHDNM sepanjang Bulan Perkhidmatan Pembayar Cukai (BPPC). Penerimaan di tempat-tempat tersebut selalunya berserta dengan semakan ke atas borang yang dikemukakan.

S85: Bolehkah saya membuat semakan Borang Nyata Cukai Pendapatan saya sama ada telah diisi dengan betul atau tidak di mana-mana Cawangan LHDNM sebelum dihantar ke Pusat Pemprosesan, Pandan Indah ?

J85: Ya boleh.

S86: Jika saya adalah ejen cukai atau kerani dispatch, bolehkah saya menghantar Borang Nyata pelanggan saya di mana-mana Cawangan LHDNM?

J86: Tuan dinasihatkan supaya menghantar terus ke Pusat Pemprosesan, Pandan Indah, Kuala Lumpur.

S87: Di manakah Borang BE perlu dikembalikan?

J87:

- i. Sekiranya borang tersebut dihantar melalui pos:-
Sila kembalikan ke alamat seperti berikut:-**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
Pusat Pemprosesan
Aras 10-18, Menara C, Persiaran MPAJ
Jalan Pandan Utama, Pandan Indah
Karung Berkunci 11054
50990 Kuala Lumpur.

ii. Sekiranya hadir sendiri, tuan bolehlah hadir ke Tingkat 12 di alamat seperti di atas untuk membuat serahan.

S88: Mengapa Borang Nyata Cukai Pendapatan perlu dihantar ke satu tempat iaitu ke Pusat Pemprosesan, Pandan Indah sahaja?

J88: Bagi tujuan pemprosesan setempat di bawah Sistem Taksir Sendiri (STS).

S89: Mengapa saya perlu menghantar Borang BE 2009 ke Pusat Pemprosesan, Pandan Indah. Adakah fail saya telah dipindahkan dari Cawangan sekarang iaitu Jalan Duta ke Pusat Pemprosesan, Pandan Indah?

J89: Mulai Tahun Taksiran 2004, LHDNM telah melaksanakan Sistem Taksir Sendiri. Oleh itu semua borang nyata cukai pendapatan akan diproses di Pusat Pemprosesan, Pandan Indah. Walau bagaimanapun untuk urusan percukaian lain seperti mendapatkan surat penyelesaian cukai ataupun membuat rayuan taksiran dan bayaran, masih dikendalikan oleh Cawangan Jalan Duta. Untuk makluman, fail tuan tidak dipindahkan dari Cawangan Jalan Duta ke Pusat Pemprosesan, Pandan Indah.

S90: Bilakah tarikh akhir pengembalian Borang BE 2009?

J90: Tarikh akhir pengembalian Borang BE 2009 bagi kes yang tiada punca perniagaan ialah 30 April 2010.

S91: Saya mempunyai dua punca pendapatan iaitu penggajian dan perniagaan. Borang apa perlu diisi dan bila tarikh akhir pengembalian Borang tersebut?

J91: Tuan perlu mengisi Borang B dan tarikh akhir pengembalian Borang tersebut adalah pada 30 Jun.

S92: Saya menerima Borang BE dan B serentak untuk Tahun Taksiran yang sama di bawah Nombor Rujukan yang sama. Borang yang mana perlu diisi dan adakah saya akan dikenakan penalti jika tidak mengisi salah satu borang tersebut?

J92: Jika tuan menerima pendapatan penggajian dan lain-lain pendapatan selain perniagaan, tuan dinasihatkan mengisi Borang BE. Dan jika tuan menguruskan perniagaan atau perkongsian maka tuan perlu mengisi Borang B. Sila maklum, tuan hanya perlu mengisi satu borang sahaja.

S93: Saya menerima dua Borang BE 2009 bagi tahun taksiran yang sama di bawah nombor rujukan fail yang berbeza. Fail yang mana satukah yang perlu saya gunakan?

J93: Tuan perlu menyemak dengan menghubungi Cawangan yang mengendalikan fail cukai pendapatan tuan untuk mendapat kepastian nombor fail yang aktif sebelum mengisi dan menghantar Borang Nyata. Sila isi dengan lengkap Borang Nyata yang aktif sementara Borang Nyata yang tidak aktif dikembalikan semula dengan menyertakan bersama surat memaklumkan nombor rujukan tersebut adalah fail pendua.

S94: Mengapa saya dan suami menerima Borang BE 2009?

J94: Mulai Tahun Taksiran 2004, di bawah Sistem Taksir Sendiri (STS) setiap individu (termasuk suami dan isteri) dikehendaki untuk melaksanakan tanggungjawab percukaian masing-masing. Oleh itu setiap individu perlu mengira dan mengemukakan Borang Nyata cukai pendapatan serta membayar cukai secara berasingan.

S95: Jika saya telah bersara dan tidak mempunyai apa-apa pendapatan tetapi isteri masih lagi bekerja, bolehkah saya menutup fail cukai pendapatan saya?

J95: Fail cukai pendapatan tuan tidak boleh ditutup sehingga isteri tuan tidak memperolehi apa-apa pendapatan. Dalam kes ini, isteri tuan boleh menuntut pelepasan suami sebanyak RM3,000. Tuan bolehlah menghantar kedua-dua Borang tersebut ke Pusat Pemprosesan, Pandan Indah.

S96: Saya menerima Borang BE 2009 kerana saya menerima pendapatan penggajian sebelum ini. Saya mula menerima pendapatan dari perkongsian mulai bulan Mei 2009 dan pada bulan Oktober 2009, status perkongsian ditukar kepada perniagaan tunggal tetapi perniagaan tersebut dormant sehingga hari ini. Bagaimanakah saya perlu melaporkan pendapatan bagi tahun taksiran 2009?

J96: Tuan perlu mengisi Borang B 2009 kerana memperolehi pendapatan perniagaan.

S97: Saya adalah seorang isteri dan menerima Borang BE 2009. Pendapatan saya adalah dari penggajian. Suami belum menerima borang dan pendapatan beliau dari punca perniagaan. Adakah suami saya akan menerima Borang B 2009?

J97: Suami puan akan menerima Borang B 2009. Jika beliau masih tidak menerima borang tersebut, sila dapatkan dari Pusat Pemprosesan, Pandan Indah atau Cawangan LHDNM yang berhampiran. Walau bagaimanapun tuan/puan adalah digalakkan menggunakan perkhidmatan e-filing.

S98: Saya mempunyai punca pendapatan penggajian dan telah menerima Borang BE 2009, manakala isteri saya yang mempunyai punca pendapatan perniagaan telah menerima Borang B 2009. Bilakah tarikh akhir pengembalian kedua-dua Borang jika memilih taksiran bersama dan jika memilih taksiran berasingan ?

J98: Jika memilih Taksiran Bersama - Tarikh akhir pengembalian Borang B dan BE 2009 pada 30 Jun 2010.

Dan jika memilih Taksiran Berasingan – Tarikh akhir pengembalian Borang BE 2009 tuan pada 30 April 2010, sementara Borang B 2009 isteri tuan pula pada 30 Jun 2010.

S99: Adakah saya perlu mengisi Borang Nyata Cukai Pendapatan kalau tidak bekerja atau telah bersara (tiada pendapatan) ?

J99: Dalam keadaan di mana Borang BE diterima, tuan masih perlu mengisi borang tersebut walaupun tidak bekerja atau telah bersara bersama surat makluman untuk tindakan LHDNM selanjutnya.

S100: Saya memulakan perniagaan pada November 2009. Sebelum itu saya bekerja di sebuah bank. Semasa pemberhentian kerja pada Jun 2009, saya telah pun mendapat Surat Penyelesaian Cukai dari Cawangan LHDNM yang mengendalikannya fail saya. Sekarang saya menerima Borang BE 2009. Apakah tindakan yang harus saya lakukan ?

J100: Tuan perlu melaporkan pendapatan di dalam Borang B 2009. Secara e-filing, tuan hanya perlu memilih jenis borang dan perlu mengembalikannya pada atau sebelum 30 Jun 2010.

S101: Saya telah berkahwin pada tahun 2009 dan telah mempunyai fail cukai pendapatan. Oleh itu perlukah saya mendaftar fail di bawah nama atau fail suami ?

J101: Tidak perlu. Puan dan suami hanya perlu memaklumkan maklumat perkahwinan di borang masing-masing di ruangan A4 dan Bahagian B (Maklumat suami / isteri) Borang BE 2009.

S102: Saya telah berkahwin dalam tahun 2009 dan mula bekerja pada Ogos 2009. Saya belum pernah melaporkan pendapatan. Suami saya menerima Borang BE 2009. Bolehkah saya mengisi maklumat pendapatan saya di borang suami ?

J102: Puan perlu membuat pendaftaran fail cukai pendapatan, mengisi dan mengembalikannya Borang BE 2009 di bawah nombor rujukan sendiri.

S103: Saya belum didaftarkan fail, bagaimana saya mahu melaporkan pendapatan dan bagaimana bayaran perlu dibuat. Adakah saya perlu menunggu sehingga fail didaftarkan ?

J103: Tuan perlu mendaftarkan fail cukai pendapatan di Cawangan yang berhampiran atau secara on-line melalui e-daftar. Bayaran boleh dibuat setelah Borang Nyata cukai pendapatan diisi dan pengiraan cukai dibuat.

S104: Saya hanya ada pendapatan dividen sahaja tetapi Nombor Rujukan adalah OG dan saya tidak menerima Borang Nyata cukai pendapatan. Bolehkah saya datang ke Pejabat LHDNM dan mendapatkan Borang BE 2009 Dan bagaimana pengisian Nombor Rujukan sama ada SG atau OG?

J104: Tuan boleh mendapatkan Borang BE 2009 dan menggunakan Nombor Rujukan cukai yang telah sedia ada iaitu OG. Mulai Tahun Taksiran 2004,

penentuan penggunaan Borang BE atau B bukanlah mengikut fail sama ada SG atau OG tetapi mengikut punca pendapatan iaitu sama ada punca pendapatan perniagaan atau tiada punca pendapatan perniagaan. Punca pendapatan perniagaan menggunakan Borang B dan tiada punca pendapatan perniagaan menggunakan Borang BE.

S105: Seorang isteri memilih taksiran bersama. Beliau cuma mempunyai pendapatan dividen sahaja. Oleh itu adakah beliau perlu mengepilkan baucar dividen asal bersama Borang BE suami. Bagaimana dengan tolakan cukai Seksyen 110, Akta Cukai Pendapatan 1967 isteri ?

J105: Mulai Tahun Taksiran 2004, Baucar dividen tidak perlu dikepilkan bersama Borang BE suami jika ianya adalah kes pembayaran balik. Suami layak mendapat tolakan cukai Seksyen 110, Akta Cukai Pendapatan 1967 isteri. Borang BE isteri juga perlu diisi sehingga ruangan Jumlah Pendapatan (C16) dan ditandatangani.

S106: Bagi pendapatan yang diterima secara " Odd job " (pendapatan runcit) , ruangan manakah yang perlu diisi ?

J106: Pendapatan dari "Odd job" tersebut adalah merupakan pendapatan dalam bentuk upah. Pendapatan tersebut boleh dilaporkan di bawah kategori penggajian (Borang BE). Manakala, jika pendapatan "Odd job" ini diterima dari "vocation" (mata pencarian - tiada majikan) maka pendapatan tersebut perlu dilaporkan di bawah kategori perniagaan (Borang B).

Contoh 1: Seorang pengecat dibayar upah oleh seorang kontraktor. Segala peralatan dan peraturan kerja disediakan oleh kontraktor. Upah hanya dibayar bila ada kerja. Upah ini adalah pendapatan penggajian. **Contoh 2:** Seorang pemotong rumput bebas di mana semua peralatan memotong rumput adalah disediakan oleh beliau sendiri. Upah yang diterima untuk menjalankan kerja ini adalah upah dari "vocation" (mata pencarian). Pendapatan ini adalah pendapatan perniagaan.

S107: Saya telah bersara wajib pada umur 56 tahun. Perlukah saya menyatakan amaun pencen yang diterima di dalam Borang BE saya ?

J107: Pencen tuan dikecualikan cukai. Sila isikan "0" di ruangan C5 (pencen, anuiti dan bayaran berkala lain).

S108: Adakah pendapatan sewa yang dilaporkan adalah pendapatan sewa bersih atau sewa kasar?

J108: Sewa bersih.

S109: Bagaimana kedudukan seorang pekerja sebagai 'salesman' yang menerima gaji dan komisen dari majikan yang mana perbelanjaan yang dikeluarkan akan dibayar balik oleh majikan. Sama ada perlu dilaporkan pendapatan dalam Borang BE atau B ?

J109: Perbelanjaan yang dibuat oleh 'salesman' tersebut yang dibayar balik oleh majikan dianggap sebagai bayaran ganti (reimbursement). Keseluruhan

pendapatan penggajian dan komisen perlu dilaporkan sebagai pendapatan penggajian di dalam Borang BE di ruangan C1 dan Borang B di ruangan C10.

S110: Adakah pendapatan dari Singapura yang diremitkan ke Malaysia dikenakan cukai bagi Tahun Taksiran 2009?

J110: Mulai Tahun Taksiran 2004 pendapatan dari luar negara yang diremitkan adalah dikecualikan cukai di bawah Perenggan 28 Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967.

S111: Saya membayar zakat. Perlukah saya mengemukakan resit zakat semasa mengemukakan Borang BE 2009?

J111: Tidak perlu.

S112: Bolehkah Helaian Kerja dibuat menggunakan format sendiri?

J112: Helaian Kerja di dalam Buku Panduan Borang BE merupakan garis panduan sahaja dan format sendiri boleh digunakan.

S113: Bagi kes "pembayaran balik" saya kurang yakin untuk menyertakan baucar dividen asal bersama-sama dengan Borang BE secara pos. Bagaimana perlu saya lakukan ?

J113: Mulai tahun 2008 baucer dividen asal tidak perlu dikemukakan. Tuan perlu menyimpan untuk tempoh 7 tahun bermula dari akhir tahun dalam mana borang nyata tersebut telah dikemukakan.

S114: Bolehkah saya hanya mengisi maklumat individu dan menandatangani Borang BE 2009 dan tinggalkan ruangan yang lain dan melampirkan penyata pendapatan saya sahaja?

J114: Mulai Tahun Taksiran 2004 di bawah Sistem Taksir Sendiri, tuan perlu mengisi Borang BE dengan lengkap dan mengira cukai pendapatan tuan serta membayar cukai yang sepatutnya selewat-lewatnya pada 30 April. Tuan tidak perlu melampirkan penyata pendapatan semasa mengembalikan borang tersebut. Dokumen tersebut hendaklah disimpan untuk tujuan penyemakan jika diperlukan kelak. Borang BE yang tidak diisi sepenuhnya boleh dianggap tidak lengkap dan dikembalikan sebagai borang tidak lengkap. Sekiranya dikembalikan kerana tidak lengkap, tarikh penerimaan asal akan dibatalkan dan tarikh penerimaan semula borang (kali kedua) akan diambil kira. Sekiranya penerimaan kali kedua lewat, penalti di bawah Seksyen 112(3), Akta Cukai Pendapatan 1967 akan dikenakan.

S115: Saya bekerja dan berada di luar negara untuk tempoh beberapa tahun dan tidak kembali ke Malaysia. Ibu saya telah mengisi borang bagi pihak saya dan menandatangani borang tersebut. Bolehkah borang tersebut diterima ?

J115: Borang tersebut boleh diterima. Ibu tuan perlu membuat perakuan di ruangan ' Akuan ' yang disediakan dengan memasukkan maklumat diri beliau serta memahami akan tanggungjawab yang telah diambilnya.

S116: Wakil pembayar cukai memohon diberi kebenaran untuk mengisi Borang BE bagi pihak saudara mara, kawan-kawan dan adik beradik. Sama ada boleh dibenarkan atau tidak ?

J116: Boleh dibenarkan mengikut peruntukan Akta iaitu Seksyen 88 Akta Cukai Pendapatan 1967. Walau bagaimanapun, orang yang menandatangani bagi pihak itu harus sedar akan tanggungjawab yang telah diambil.

S117: Sekiranya saya terlupa menandatangani di Bahagian Akuan di dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan dan borang tersebut telah dihantar ke Pusat Pemrosesan, Pandan Indah, apakah akibatnya?

J117: Borang Nyata Cukai Pendapatan yang dikemukakan akan dianggap tidak lengkap dan akan dikembalikan kepada tuan. Penalti lewat di bawah Seksyen 112(3), Akta Cukai Pendapatan 1967 akan dikenakan sekiranya diterima semula selepas tarikh akhir pengembalian borang tersebut.

S118: Terdapat kesilapan di dalam pengiraan cukai kena dibayar (genuine error in computing tax payable), dan saya hanya perasan tentang kesilapan tersebut selepas tarikh akhir bayaran perlu dijelaskan. Apa yang harus saya buat untuk membetulkan kesilapan saya, sekiranya:

- i. Cukai kena dibayar telah berkurangan bayar.**
- ii. Cukai kena dibayar telah terlebih bayar.**

J118: Tuan perlu mengemukakan surat rayuan ke Cawangan yang mengendalikan fail tuan. Tindakan berikut akan diambil oleh Cawangan:-

Kes i : Taksiran Tambahan akan dibangkitkan dan cukai perlu dijelaskan dalam tempoh 30 hari dari tarikh Taksiran Tambahan dikeluarkan.

Kes ii : Taksiran Kurangan akan dikeluarkan dan bayaran yang terlebih bayar akan dikembalikan.

S119: Apakah yang harus saya buat sekiranya terdapat punca pendapatan yang telah terlupa untuk dilaporkan di dalam Borang BE semasa saya mengembalikan borang tersebut?

J119: Tuan dinasihatkan supaya mengemukakan surat rayuan ke Cawangan yang mengendalikan fail tuan dengan kadar yang segera. Sekiranya pihak LHDNM telah menjalankan audit dan mendapati tuan telah gagal melaporkan segala punca pendapatan dalam Borang BE tersebut, maka penalti boleh dikenakan kerana dianggap telah melakukan kesalahan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

S120: Apakah tindakan LHDNM jika pendapatan yang dilaporkan di Borang Nyata Cukai Pendapatan kurang dari pendapatan sebenar?

J120: Sila laporkan dengan segera ke Cawangan yang mengendalikan fail tuan untuk memaklumkan cukai yang berkurangan lapor ini. Apabila pendapatan yang berkurangan lapor ini dikenalpasti, maka Taksiran Tambahan akan dibangkitkan dan penalti di bawah Seksyen 113(2) Akta Cukai Pendapatan 1967 boleh dikenakan.

S121: Adakah saya akan dikenakan penalti kerana menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan selepas tarikh yang ditetapkan?

J121: Ya, tuan boleh dikenakan penalti lewat di bawah Seksyen 112(3) Akta Cukai Pendapatan 1967.

S122: Bermula dengan pelaksanaan Sistem Taksir Sendiri (STS), Borang J tidak akan dikeluarkan. Bagaimana saya boleh mengetahui cukai saya ditaksir dengan betul ?

J122: Bahagian Audit Meja Cawangan akan menjalankan tugas mereka untuk mengaudit borang-borang nyata cukai pendapatan yang diterima.

S123: Bagaimana saya boleh dapatkan Borang J untuk Tahun Taksiran 2009 jika diminta oleh Bank atau Jabatan Imigresen ?

J123: Mulai Tahun Taksiran 2004 Borang J tidak lagi dikeluarkan kepada tuan. Borang BE yang dikemukakan adalah dianggap sebagai Notis Taksiran. Pihak Bank dan Imigresen juga telah dimaklumkan akan perkara ini. Tuan juga dinasihatkan untuk membuat salinan fotostat Borang BE sebelum mengemukakannya ke LHDNM.

S124: Perlukah saya menyimpan rekod selama 7 tahun kerana ianya terlalu lama dan tiada tempat untuk menyimpan serta sukar untuk dilaksanakan?

J124: Keperluan menyimpan rekod selama 7 tahun adalah tertakluk kepada Peruntukan Undang-Undang Akta Cukai Pendapatan 1967. Ini adalah untuk pengesahan tentang kesahihan maklumat yang dilaporkan di Borang Nyata Cukai Pendapatan ketika semakan dibuat oleh LHDNM.

S125: Bolehkah saya memohon mendapatkan bayaran secara ansuran (instalment payment) untuk baki cukai kena dibayar bagi Tahun Taksiran 2009 selepas 30 April 2010 (Bagi kes punca pendapatan selain perniagaan) ?

J125: Pihak tuan boleh mengemukakan permohonan bayaran ansuran ke atas baki cukai kena dibayar ke Cawangan di mana fail cukai pendapatan tuan dikendalikan. Sebarang baki cukai yang tidak dijelaskan pada atau sebelum 30 April 2010 akan dikenakan kenaikan cukai di bawah peruntukan Seksyen 103 Akta Cukai Pendapatan 1967.

S126: Bagaimanakah pembayaran cukai boleh dibuat?

J126: Bayaran boleh dibuat melalui:-

(a) Bank - Kaunter CIMB Bank Berhad (CIMB), Public Bank Berhad (PBB), Malayan Banking Berhad (Maybank) dan EON Bank dengan menggunakan slip bayaran yang disediakan oleh pihak bank; Perbankan internet CIMB, PBB, Maybank, EON Bank dan Citibank atau perbankan telefon Maybank. Auto teller Machine (ATM) PBB dan Maybank

(b) LHDNM - e-Bayaran melalui FPX (Financial Process Exchange) di Laman

Web LHDNM, <http://www.hasil.gov.my>

- Kaunter bayaran LHDNM di Cawangan Pungutan di Jalan Duta Kuala Lumpur, Kuching atau Kota Kinabalu secara terus atau melalui pos :
 - Cek, kiriman wang dan draf bank hendaklah dipalang dan dibayar kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negari. Gunakan Slip Pengiriman Bayaran (CP 501) apabila membuat bayaran.
 - Sila catatkan nama, alamat, nombor telefon, nombor rujukan, Tahun taksiran dan kod bayaran di belakang instrument bayaran.
 - Bayaran tunai melalui pos adalah tidak dibenarkan.

Resit rasmi bayaran akan dikeluarkan jika bayaran dibuat di Cawangan Pungutan LHDNM. Jika bayaran dibuat melalui bank, slip bayaran bank adalah dianggap sebagai resit rasmi. Sila simpan resit/slip bayaran bank sebagai bukti bayaran.

S127: Bolehkah saya membuat bayaran secara tunai di Pusat Pemrosesan, Pandan Indah?

J127: Tidak boleh.

S128: Apakah kod yang digunakan jika membuat pembayaran baki cukai kena dibayar bagi kes penggajian sekiranya bayaran dibuat di Bank?

J128: Kod bayaran cukai untuk Tahun Taksiran Semasa ialah 084.

S129: Sekiranya saya mempunyai baki kredit 2008 di dalam akaun saya, bolehkah saya gunakan kredit tersebut untuk membayar cukai Tahun Taksiran 2009. Adakah saya akan didenda sekiranya saya tidak membuat bayaran cukai Tahun Taksiran 2009 disebabkan masih ada kredit di dalam akaun saya ?

J129: Tuan boleh menggunakan kredit tersebut dengan syarat tuan membuat permohonan ke Cawangan yang mengendalikan fail cukai pendapatan tuan sebelum tarikh akhir pengembalian Borang 2009. Tiada denda akan dikeluarkan sekiranya kredit dalam akaun mencukupi untuk menyelesaikan baki cukai Tahun Taksiran 2009.

S130: Saya sudah membuat pembayaran cukai sebelum 30 April 2010 tetapi Borang BE 2009 telah lambat dikemukakan ke Pusat Pemrosesan, Pandan Indah. Adakah saya akan dikenakan penalti walaupun sudah menjelaskan bayaran cukai saya?

J130: Penalti lewat ke atas penghantaran Borang Nyata Cukai Pendapatan tetap akan dikenakan di bawah peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967.

S131: Bagaimanakah pengenaan denda bagi cukai yang lewat dibayar?

J131: Kenaikan cukai sebanyak 10% akan dikenakan selepas tarikh akhir pengembalian borang dan tambahan sebanyak 5 % lagi selepas 60 hari dari tarikh akhir pengembalian borang.

S132: Bolehkah Borang dikembalikan terlebih dahulu dan cukai dibayar pada suatu tarikh yang lain ?

J132: Borang boleh dikembalikan terlebih dahulu dan bayaran dibuat kemudian tetapi sebelum tarikh akhir pengembalian borang tersebut.

Contoh, bagi punca pendapatan selain perniagaan bayaran perlu dijelaskan pada atau sebelum 30 April.

S133: Saya telah membeli komputer pada tahun 2008 dan tidak menuntut rebat pembelian komputer dalam tahun asas. Adakah saya masih boleh menuntut rebat pembelian komputer peribadi ini bagi Tahun Taksiran 2009?

J133: Tuntutan tidak boleh dibuat bagi Tahun Taksiran 2009.

Tuan dinasihatkan supaya mengemukakan surat rayuan berserta resit dan inuis asal kepada Cawangan yang mengendalikan fail cukai pendapatan tuan supaya cukai tuan bagi Tahun Taksiran 2008 disemak semula.

Disediakan oleh: Unit 5, Pusat Khidmat Pelanggan

Versi: 1/2010

Tarikh: 20.01.2010